

# **STPM Kertas 1 2017:**

## **Soalan 1**

JAURUS Enterprise menawarkan perkhidmatan pengurusan harta tanah. Pemiliknya, iaitu Encik Jimmy telah mengajikan dua orang pekerja dengan kadar gaji bulanan sebanyak RM1,200 seorang. Beliau bercadang untuk menyimpan rekod khas bagi perniagaan dan juga menyediakan penyata kewangan perniagaan secara bulanan. Urus niaga sepanjang bulan Mac 2015, iaitu operasi bulan pertama bagi perniagaan ini adalah seperti yang berikut:

- (1) Membuka akaun bank atas nama JAURUS Enterprise dengan mendepositkan tunai daripada akaun peribadi berjumlah RM50,000.
- (2) Menandatangani perjanjian dengan SS Harta Sdn Bhd bagi sewaan premis bangunan dengan kadar sewa bulanan sebanyak RM1,500. Encik Jimmy telah membuat bayaran sewa untuk bulan semasa berserta dengan bayaran deposit bagi tiga bulan sewa seperti yang ditetapkan dalam perjanjian sewaan itu. Bayaran deposit ini akan dipulangkan apabila kontrak sewaan tamat.
- (3) Membeli dua buah komputer berharga RM3,600 secara tunai di Kembangan PC Fair.
- (4) Membawa masuk sebuah mesin pencetak terpakai untuk kegunaan pejabat. Mesin pencetak itu telah diperoleh pada dua tahun yang lepas dengan harga RM1,200. Nilai pasaran semasa mesin pencetak itu adalah bersamaan dengan 60% daripada kos perolehannya.
- (5) Membeli perabot pejabat berharga RM10,000 dengan Modern Décor dengan membayar 40% secara tunai, manakala bakinya akan dijelaskan dalam tempoh 30 hari.
- (6) Membeli bekalan pejabat secara tunai berjumlah RM3,450.
- (7) Menerima tunai berjumlah RM2,500 bagi perkhidmatan yang telah diberikan.
- (8) Mengeluarkan invois berjumlah RM4,250 kepada pelanggan bagi perkhidmatan yang telah diberikan.
- (9) Membayar gaji pekerja bagi bulan semasa.
- (10) Mengeluarkan cek JAURUS Enterprise dengan amaun RM500 bagi menjelaskan bayaran kad kredit Encik Jimmy.
- (11) Mengira stok bekalan pejabat pada akhir bulan Mac dan mendapat 1/3 daripada bekalan pejabat telah digunakan dalam tempoh semasa.
- (12) Menerima invois daripada Perkhidmatan kemas Ofis Enterprise bagi kerja pembersihan pejabat bagi bulan semasa berjumlah RM200.
- (13) Menerima bayaran pendahuluan berjumlah RM3,000 daripada Bandar Saujana Putra Properties bagi perkhidmatan yang akan diberikan pada bulan hadapan.

**Dikehendaki:**

- (a) Perihalkan maksud setiap andaian dan prinsip perakaunan yang berikut dan berikan dua contoh situasi yang diambil daripada JAUrus Enterprise bagi menunjukkan bahawa setiap andaian atau prinsip itu telah dipatuhi.
- (i) Entiti berasingan
  - (ii) Pengiktirafan hasil
  - (iii) Kos sejarah
- (6 markah)
- (b) Tunjukkan kesan kepada ekuiti, aset dan liabiliti bagi setiap urus niaga JAUrus Enterprise. Jawapan anda mesti disertakan dengan nilai yang terlibat.
- (9 markah)
- (c) Sediakan penyata pendapatan komprehensif JAUrus Enterprise bagi operasi bulan pertama.
- (5 markah)